

25,000 sambut PM balik kampung Dr. Mahathir diarak atas gajah di Kedah

ALOR SETAR, Jumaat — Dua ekor gajah — Chom dan Bunga yang dibawa khas dari Yala, Selatan Thailand menarik perhatian ramai bila keduanya menggellingi Stadium Darulaman di sini hari ini membawa dua pasang suami isteri.

Sepanjang perjalanan orang ramai bersorak gembira.

Dari kedua ekor gajah itu, Chom berusia 50 tahun lebih bertuah kerana diberi penghormatan membawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin dan isteri, Datin Seri Nik Maimunah pula menjadi penunggang Bunga, juga dalam lingkungan umur 50-an.

Perarakan menaiki gajah menggellingi stadium itu kemuncak acara sambutan meraikan lawatan rasmi dua hari Datuk Seri Dr. Mahathir ke Kedah — yang pertama senjaj mengangkut sumpah menjadi Perdana Menteri.

Selepas menaiki gajah keliling stadium, Perdana Menteri menepuk pipi 'Chom' sambil

mengucapkan terima kasih kepada gembalanya.

Dari awal pagi lagi, lebih 25,000 orang dari seluruh pelusuk negeri Kedah, berhimpun di stadium itu menunggu ketibaan pemimpin kesayangan mereka yang balik setelah dilantik menjadi Perdana Menteri.

Lebih 200 buah bas kepunyaan berbagai syarikat kenderaan awam, memberikan perkhidmatan percuma ke stadium.

Meskipun matahari pagi panas terik, orang ramai menanti dengan penuh sabar dan tidak berganjak dari tempat masing-masing.

Tembakan asap berwarna dilepaskan sebaik saja pesawat Nuri TUDM yang membawa Perdana Menteri dan isteri dari Butterworth, mendarat di tengah-tengah stadium itu tepat jam 9.30 pagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin dan isteri, Datin Seri Nik Maimunah, mengetuai pemimpin dan pembesar negeri menyambut ketibaan Perdana Menteri dan isteri sebaik saja mereka turun dari helikopter.

Turut serta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid; Pesuruhjaya

Tinggi Malaysia ke Singapura, Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin; Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, wakil-wakil rakyat, ketua-ketua jabatan dan pemimpin-pemimpin masyarakat.

Dengan dilirngi oleh Menteri Besar dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato Haji Abdullah bin Haji Ismail, Perdana Menteri menaiki sebuah jeep khas memeriksa barisan kehormatan terdiri dari kedet askar dan polis, serta Pergerakan-pergerakan Pemuda dan Wanita parti-parti komponen Barisan Nasional.

Deklamasi sajak

Perdana Menteri dan isteri kemudiannya menyaksikan satu persembahan senaman beramai-ramai oleh 1,400 kanak-kanak sekolah dan kad simbas yang memaparkan tulisan 'Selamat Datang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah'.

Ini diikuti dengan deklamasi sajak mengenai perjuangan politik Datuk Seri Dr. Mahathir oleh dua orang jurubeha RTM di sini, Marduwati Abdullah dan M.Z. Halim Hassan.



■ PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah menaiki gajah 'Chom' yang dibawa khas dari Yala menggellingi Stadium Darulaman, Alor Setar dalam lawatan rasmi ke Kedah semalam. — Gambar Berita Harian